

# DBKL gempur warga asing di Pasar Borong Kuala Lumpur

**KUALA LUMPUR** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita barangan milik tujuh warga asing yang menjalankan perniagaan di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur di sini.

Tindakan berdasarkan peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) 3, Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 diambil susulan operasi menggempur warga asing di sekitar pasar borong tersebut pada Isnin.


DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan, pihak berkuasa tempatan itu memindahkan halangan di tempat awam yang dibina peniaga mengikut Seksyen

46(1)(d) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 di Jalan 2/3A, Pusat Bandar Utara.

Ujarnya, sejumlah enam notis kompaun di bawah UUK Pelesenan Tred Perniagaan & Perindustrian (WPKL) 2016 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dikeluarkan, berserta satu notis penguatkuasaan di bawah Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982.

"Semua barang yang disita dibawa ke Stor Sitaan DBKL di Taman Miharja Cheras untuk rekod.

"Tindakan akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain selepas ini," tambah kenyataan itu.



**Penguat kuasa DBKL mengangkut barang jualan warga asing yang disita.**